

**Rezab Antarabangsa Bank Negara Dicatatkan RM430.5 Bilion  
Bernama  
24 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Rezab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) dicatatkan berjumlah RM430.5 bilion (bersamaan dengan US\$134.7 bilion) sehingga 15 Ogos.

Rezab itu mencukupi membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan 3.9 kali hutang jangka pendek, kata BNM dalam satu kenyataan.

Katanya komponen utama rezab antarabangsa itu ialah mata wang asing

(US\$121.8 bilion); Rezab Tabung Kewangan Antarabangsa (US\$800 juta); Hak Pengeluaran Khas (SDRs) (US\$1.9 bilion); emas (US\$1.9 bilion) dan aset rezab lain (US\$8.3 bilion).

Aset keseluruhan BNM, termasuk rezab antarabangsa di catatkan RM479.277 bilion.

Asetnya yang lain termasuk kertas kerajaan Malaysia (RM2.328 bilion); deposit dengan institusi kewangan (RM27.594 bilion); pinjaman dan pendahuluan (RM10.025 bilion); dan aset lain (RM8.876 bilion).

Modal dan liabilitinya terdiri daripada modal berbayar (RM100 juta); tabung rezab am (RM14.368 bilion); rezab lain (RM18.794 bilion); mata wang dalam edaran (RM68.084 bilion); deposit oleh institusi kewangan (RM171.848 bilion); deposit kerajaan persekutuan (RM19.715 bilion); deposit lain (RM3.971 bilion); kertas Bank Negara (RM147.527 bilion); peruntukan SDR (RM6.459 bilion); dan liabiliti lain (RM28.412 bilion).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689663>